



SIARAN MEDIA

SEMARAK JIWA MERDEKA KPKT SUNTIK SEMANGAT PERPADUAN, PERKUKUH KEHARMONIAN MASYARAKAT BERBILANG KAUM

PUTRAJAYA, 19 Ogos 2026 — Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini melancarkan **Semarak Jiwa Merdeka KPKT 2026** sebagai wadah menyemarakkan semangat patriotisme, memperkukuh jati diri serta menyatukan warga kementerian dalam menghayati erti kemerdekaan dan perpaduan berteraskan tema Hari Kebangsaan 2026, **“Malaysia MADANI : Kesejahteraan Dinikmati”**.

Majlis pelancaran yang berlangsung di Pekarangan KPKT itu disempurnakan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming.

Turut hadir, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Aiman Athirah Binti Sabu; Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira Dr. M Noor Azman bin Taib; barisan pengurusan tertinggi KPKT, Ketua-ketua Jabatan serta warga kerja KPKT dan jabatan serta agensi di bawahnya.

Penganjuran Semarak Jiwa Merdeka KPKT menjadi platform penting untuk menyatukan seluruh warga kementerian melalui pelbagai aktiviti yang mengetengahkan nilai patriotisme, meraikan kepelbagaian budaya, memperkasakan kebersamaan dan perpaduan, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Menurut YB Tuan Nga Kor Ming, semangat **“Unity in Diversity”** merupakan antara kekuatan utama keluarga besar KPKT yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, bidang kepakaran dan peranan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat.

“Semangat *Unity in Diversity* menjadi kekuatan keluarga besar KPKT untuk terus bergerak sebagai satu pasukan, stronger together demi rakyat dan negara. Kemerdekaan bukan sekadar dikibarkan melalui Jalur Gemilang atau diraikan sepanjang bulan Ogos, tetapi semangat cintakan negara perlu dihayati melalui sikap, integriti, komitmen dan kesungguhan kita memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.”

“Inilah semangat Merdeka yang kita mahu suburkan dalam kalangan warga KPKT iaitu bersatu dalam kepelbagaian, bekerja sebagai satu pasukan dan sentiasa meletakkan kepentingan rakyat sebagai keutamaan,” katanya.

Sebagai simbolik pelancaran, YB Menteri KPKT turut menyerahkan Kit Jalur Gemilang kepada Ketua Setiausaha KPKT dan ketua-ketua jabatan di bawah KPKT yang melambangkan komitmen seluruh warga kementerian untuk terus menyemarakkan semangat patriotisme dan kecintaan kepada negara.

Majlis turut diserikan dengan *flag-off* 19 jentera Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) sebagai simbolik penglibatan jabatan dan agensi KPKT dalam menyemarakkan sambutan Bulan Kebangsaan di seluruh negara.

Menariknya, kemuncak majlis turut menyaksikan YB Menteri bersama barisan pengurusan tertinggi KPKT melawat Pameran Manuskrip Melayu di lobi kementerian yang dibawa khas oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

Pameran tersebut mengetengahkan khazanah warisan intelektual dan budaya negara, termasuk manuskrip berkaitan petua pembinaan rumah tradisional serta pameran Batik Hang Tuah, sekali gus mengangkat kepentingan memelihara warisan dan identiti negara sebagai sebahagian daripada penghayatan semangat kemerdekaan.

Sepanjang sambutan Bulan Kebangsaan, pelbagai program menarik akan dilaksanakan menerusi Semarak Jiwa Merdeka KPKT 2026, antaranya:

- i. Hiasan Keceriaan Merdeka;
- ii. Pertandingan Gemersik Merdeka AI KPKT 2026;
- iii. PUSPANITA HYROX Merdeka 2026;
- iv. Pameran Manuskrip;
- v. Siaraya Lagu Kebangsaan Harian; dan
- vi. Pertandingan Keceriaan Bahagian.

Kesemua pengisian tersebut dirangka bagi menggalakkan penglibatan warga KPKT secara lebih inklusif dan kreatif, di samping menyemarakkan suasana Bulan Kebangsaan dalam persekitaran kerja.

Sebagai sebuah kementerian yang dekat dengan kehidupan seharian rakyat melalui penyediaan perumahan, perkhidmatan kerajaan tempatan, pengurusan sisa pepejal, landskap, keselamatan kebakaran dan pembangunan bandar, KPKT komited menjadikan semangat kemerdekaan sebagai pemangkin untuk terus memberikan perkhidmatan yang cekap, berkualiti dan berintegriti.

“Pada bulan kemerdekaan ini, marilah kita sama-sama membela perpaduan dan mempertahankan keharmonian masyarakat berbilang kaum tanahair kita yg tercinta.”

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertivi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh :

Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel media.ukk@kpkt.gov.my

